



**DRAF**

April 2013

**GARIS PANDUAN PERANCANGAN  
PADANG GOLF**



# DRAF

April 2013

## GARIS PANDUAN PERANCANGAN PADANG GOLF



**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA SEMENANJUNG MALAYSIA  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
2013**

**Cetakan Pertama 2013**

© Hak Cipta  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Hak Cipta Terpelihara

Mana-mana bahagian dalam laporan ini tidak boleh diterbitkan semula,  
disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi,  
ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk cara,  
sama ada dengan cara elektronik, gambar rakaman dan  
sebagainya tanpa kebenaran bertulis  
daripada Penerbit terlebih dahulu.

**ISBN 978-983-2839-32-3**

Diterbitkan di Malaysia  
oleh  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Tel: 03 – 2081 6000 Faks: 03 – 2094 1170

## **Pemberitahuan**

Garis Panduan ini menggantikan Piawaian Perancangan dan Pembangunan Padang Golf JPBD 5/1997 yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.

Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan Rancangan Struktur, Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas.

Garis Panduan ini tidak mengatasi mana-mana garis panduan lain, sama ada daripada segi subjek atau pun pertapakan yang disediakan di bawah peruntukan perundangan oleh mana-mana pihak.

Ia juga perlu dibaca bersama dengan garis panduan lain yang berkaitan yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia dan juga agensi teknikal serta kementerian lain.

**ISI KANDUNGAN**

**MUKA SURAT**

<b>1.</b>	<b>TUJUAN</b>	<b>1</b>
<b>2.</b>	<b>DEFINISI</b>	<b>1</b>
2.1	Sukan Golf	1
2.2	Padang Golf	1
2.3	Lapang Sasar Golf	1
2.4	Akademi Golf	2
<b>3.</b>	<b>SKOP</b>	<b>2</b>
<b>4.</b>	<b>PRINSIP PERANCANGAN</b>	<b>2</b>
4.1	Alam Sekitar dan Estetik	2
4.2	Keselesaan dan Keharmonian	3
4.3	Keselamatan	3
4.4	Kemudahsampaian	4
<b>5.</b>	<b>GARIS PANDUAN UMUM</b>	<b>4</b>
5.1	Klasifikasi Guna Tanah	4
5.2	Zon Penampan	4
5.3	Kolam Takungan	5
<b>6.</b>	<b>GARIS PANDUAN KHUSUS</b>	<b>7</b>
6.1	Padang Golf	7
6.2	Lapang Sasar Golf	11
6.3	Akademi Golf	15

**SENARAI FOTO**

Foto 1	:	Struktur lapang sasar golf bertingkat di Setapak, Kuala Lumpur
Foto 2	:	Contoh <i>target marker</i> di dalam kawasan lapang sasar golf
Foto 3	:	Contoh tempat letak <i>buggy</i> berdekatan rumah kelab
Foto 4	:	Contoh <i>halfway hut</i> di Kelab Golf Sultan Abdul Aziz Shah, Selangor
Foto 5	:	Contoh kedai barangan golf
Foto 6	:	Jaring keselamatan yang disediakan di Setapak <i>Driving Range</i> , Kuala Lumpur
Foto 7	:	Ruang tempat duduk membelakangi <i>driving bay</i>
Foto 8	:	Contoh suasana pembelajaran di studio pembelajaran di akademi golf
Foto 9	:	<i>Practice mat</i> iaitu tempat membuat pukulan ke <i>target marker</i>

- Foto 10 : Contoh peralatan khas yang mana terdapat skrin memaparkan analisis pukulan bola sejurus pukulan dibuat
- Foto 11 : Pandangan dari *driving bay* ke *fairway* di akademi golf
- Foto 12 : Contoh bentuk *target marker* di *fairway*
- Foto 13 : Contoh kemudahan asas di Akademi Golf *Impact Elite* di Kelab Golf *The Mines*, Seri Kembangan, Selangor

### SENARAI RAJAH

- Rajah 1 : Komponen asas padang golf
- Rajah 2 : Zon penampakan dengan jarak minimum 30 meter
- Rajah 3 : Cadangan susun atur kawasan kediaman di dalam padang golf
- Rajah 4 : Ilustrasi zon penampakan dalam bentuk jalan raya, pokok, kolam dan *bunker* sekiranya kediaman dibangunkan berselari dengan *fairway*
- Rajah 5 : Cadangan jarak minimum *fairway*
- Rajah 6 : Cadangan ukuran minimum *driving bay*

### GLOSARI

#### **Teeing Shot**

Jenis pukulan yang dibuat daripada *tee box*.

#### **Tee**

Berbentuk seperti paku yang dipasakkan di dalam *tee box* untuk meletakkan bola golf yang akan dipukul.

#### **Practice Mat**

Alas yang direka bentuk khusus seperti sebidang rumput sebagai tempat untuk memulakan pukulan di lapang sasaran atau akademi golf.

#### **Putting**

Pukulan yang dilakukan di atas *green* dan menggunakan *putter* dan merupakan pukulan paling sukar bagi pemain.

#### **Chipping**

Pukulan yang rendah ketika bola dihayunkan rendah dan kemudian bergulir mengarah ke *green*.

#### **Practice Bunker**

Rintangan perangkap pasir yang direka untuk tujuan latihan di dalam *green*.

## 1. TUJUAN

Garis panduan perancangan ini disediakan bertujuan untuk membantu pihak berkepentingan dalam merancang, mengawal dan membangunkan padang golf secara bersepadu.

## 2. DEFINISI

### 2.1 Sukan Golf

Sukan golf merupakan suatu sukan padang yang perlu menggunakan satu set kayu golf (*golf club*) dan bola khas dan dimainkan mengikut undang-undang yang digariskan oleh *Royal and Ancient Golf Club of St. Andrew, Scotland* dan *United State of Professional Golf Association (USGA)*.

Sukan ini boleh dimainkan secara individu atau berkumpulan, dimana pemain perlu mencuba untuk memukul bola bermula dari *tee box* ke dalam lubang di dalam *green* dengan bilangan pukulan yang minimum.


Di Malaysia, sukan golf kini semakin mendapat perhatian dunia menerusi kejohanan yang diadakan justeru pembangunan prasarana sukan golf yang baik akan membantu ke arah memajukan masa depan negara.

### 2.2 Padang Golf

Padang golf boleh dibangunkan dengan siri lubang antara 9, 18, 27, 36 dan 54. Sesebuah padang golf mempunyai reka bentuk yang unik bergantung kepada keadaan bentuk muka bumi kawasan tersebut serta peletakan kemudahan asas yang diperlukan.

Komponen asas bagi setiap satu lubang ialah *tee box*, *fairway*, *hazard* dan *green* (rujuk **Rajah 1**).

**Rajah 1:** Komponen asas padang golf



### 2.3 Lapang Sasar Golf

Lapang sasaran golf merupakan kawasan khas yang digunakan untuk pemain golf membuat latihan pukulan. Lapang sasaran golf turut menjadi medan pembelajaran bermain golf terutamanya kepada pemain yang baru sahaja menceburi sukan ini.

Lapang sasaran golf boleh dibangunkan bersekali dengan padang golf ataupun secara berasingan (*stand alone activity*). Lapang sasaran golf yang dibangunkan secara berasingan kebiasaannya terletak di kawasan pusat bandar. Struktur bangunan yang menempatkan *driving bay* (tempat membuat pukulan) boleh dibangunkan melebihi satu tingkat (rujuk **Foto 1**) namun ia perlu mengambil kira ciri-ciri keselamatan untuk mengelakkan impak negatif.

Di dalam kawasan lapang sasaran golf, jarak sasaran pukulan ditandakan dengan *target marker* (rujuk **Foto 2**). Pemain akan membuat pukulan ke arah *target marker* dari *driving bay*.

## 2.4 Akademi Golf

Akademi golf merupakan salah satu tren pembangunan kemudahan sukan golf yang sudah mula terkenal di Malaysia pada masa kini. Akademi golf dibangunkan bertujuan sebagai pusat bimbingan untuk para pemain golf meningkatkan mutu permainan dan serta mengasah bakat-bakat baru dalam sukan ini.

Akademi golf boleh dibangunkan bersekali dengan pembangunan padang golf atau lapang sasaran golf atau secara *stand alone activity*.

Salah satu contoh pembangunan akademi golf terletak di Kelab Golf *The Mines*, Seri Kembangan, Selangor yang merupakan antara akademi golf terbaik di Malaysia dan dibangunkan di dalam kawasan padang golf.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa komponen khas (rujuk **Bahagian 6.3**) perlu disediakan di akademi golf untuk menyokong aktiviti di akademi golf.

**Foto 1:** Struktur lapang sasaran golf bertingkat di Setapak, Kuala Lumpur



**Foto 2:** Contoh *target marker* di dalam kawasan lapang sasaran golf





### 3. SKOP GARIS PANDUAN

Garis panduan perancangan ini meliputi perkara-perkara berikut:

- i. Prinsip perancangan, garis panduan umum dan khusus bagi pembangunan kawasan padang golf, lapang sasaran golf dan akademi golf; dan
- ii. Penentuan perancangan fizikal kawasan pembangunan supaya dapat menjamin kelestarian alam sekitar dan nilai estetik semula jadi, persekitaran yang selamat dan selesa serta menyokong kepentingan terhadap keperluan prasarana sukan golf iaitu padang golf, lapang sasaran golf dan akademi golf.

### 4. PRINSIP PERANCANGAN

Perancangan pembangunan padang golf, lapang sasaran golf dan akademi golf hendaklah berdasarkan kepada prinsip-prinsip berikut:

#### 4.1 Alam Sekitar dan Estetik

Mengambil kira pemeliharaan alam semula jadi merupakan prinsip penting bagi memastikan nilai estetik sesebuah kawasan terus terpelihara.

Perancangan dan pembangunan padang golf perlu mengekalkan ciri-ciri topografi semula jadi dan sistem saliran sedia ada seperti kawasan sungai, tasik dan mana-mana badan air. Namun, lokasi pembangunan padang golf tidak digalakkan merentasi saliran sedia ada sekiranya ia merupakan sumber air kegunaan penduduk setempat kerana dikhuatiri tercemar oleh sebab aktiviti penyelenggaraan rumput di padang golf.

Reka bentuk sesebuah padang golf perlu meminimumkan kerja-kerja tanah bagi memastikan aktiviti pembangunan tidak mencemarkan alam sekitar dan merosakkan aset semula jadi di kawasan tersebut.

#### 4.2 Selesa dan Harmoni

Pembangunan guna tanah lain seperti perumahan dan kemudahan sokongan perlu disepadukan secara selesa dan harmoni, selaras dengan keadaan semula jadi serta susun atur padang golf. Kesenambungan guna tanah antara padang golf, lapang sasaran golf atau akademi golf dengan aktiviti-aktiviti lain haruslah diwujudkan.

#### 4.3 Keselamatan

Perancangan dan pembangunan guna tanah lain yang diintegrasikan dengan kawasan padang golf, lapang sasaran golf atau akademi golf

hendaklah serasi serta menjamin keselamatan pemain dan penghuni-penghuni di dalam mahupun di sekitar kawasan pembangunan.

Sebagai contoh, peletakan guna tanah perumahan hendaklah di kawasan yang lebih tinggi dari *fairway* manakala reka bentuk laluan *buggy* hendaklah di dalam kawasan zon penamparan atau di persisiran *fairway* dan *green*. Pemasangan *lightning arrester* (perangkap kilat) pula diperlukan sekiranya lokasi pembangunan tersebut merupakan kawasan berbahaya sebagai contoh kawasan bekas lombong.

#### 4.4 Kemudahsampaian

Rangkaian jalan utama yang dapat menghubungkan lokasi padang golf dengan kawasan di sekitarnya perlu dikenal pasti. Walaupun mempunyai nilai estetik yang tinggi, lokasi pembangunan yang terlalu jauh dari jalan utama akan menyukarkan kedatangan pengunjung dan secara langsung mengurangkan tahap kemudahsampaian.

## 5. GARIS PANDUAN UMUM

### 5.1 Klasifikasi Guna Tanah

Berdasarkan klasifikasi guna tanah di dalam rancangan pemajuan, padang golf dan lapang sasaran golf diklasifikasikan sebagai **Tanah**

**Lapang dan Rekreasi** di bawah kelas kegunaan kemudahan sukan dan rekreasi<sup>1</sup>.

### 5.2 Zon Penamparan

Zon penamparan sekurang-kurangnya **30 meter (100 kaki)** perlu disediakan di antara pembangunan padang golf, lapang sasaran golf atau akademi golf dengan pembangunan lain di sekitarnya seperti kawasan perumahan, perniagaan, institusi dan mana-mana kawasan tumpuan awam lain (rujuk **Rajah 2**).

Zon penamparan perlu untuk memastikan supaya aktiviti sukan golf tidak mengakibatkan impak negatif kepada pengguna dan aktiviti guna tanah lain.

Zon penamparan boleh menggunakan elemen-elemen seperti:

- i. **Jalan Raya;**
- ii. **Kawasan Rintangan (*hazard*);**

Di dalam kawasan padang golf, rintangan boleh didapati dalam bentuk rintangan air (tasik, kolam dan sungai) atau rintangan pasir (dikenali sebagai *bunker*).

---

<sup>1</sup> Manual Rancangan Tempatan Edisi (2009) oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia

Zon penampungan dalam bentuk *hazard* dapat diaplikasikan untuk:

- memelihara keindahan semula jadi kawasan padang golf berbanding penyediaan pagar konkrit yang akan mengurangkan nilai estetik terhadap reka bentuk pembangunan; dan
- rintangan air seperti kolam sesuai dijadikan penampungan di antara perumahan dan *fairway* bagi mempertingkatkan imej landskap semula jadi dan sebagai langkah keselamatan.

### iii. Kawasan Hijau; dan

Mengekalkan deretan pokok sedia ada yang bersesuaian dan secara kreatif mengaplikasi kawasan tersebut sebagai zon penampungan di dalam reka bentuk padang golf.

Selain itu, susun atur kawasan kediaman di dalam padang golf digalakkan untuk menghadap *fairway* dan tidak berdekatan dengan *green* (rujuk **Rajah 3**).

Walau bagaimanapun, kediaman juga boleh disusun atur secara berselari dengan *fairway* namun penyediaan zon penampungan.


Ilustrasi penyediaan zon penampungan berdasarkan peletakan komponen asas padang golf ialah seperti yang berikut (rujuk **Rajah 4**):

- i. *tee box* dan *green* perlu berada pada kedudukan dengan jarak minimum 250 meter daripada aktiviti guna tanah di sekitarnya; dan
- ii. zon penampungan dengan jarak minimum 30 meter (100 kaki) perlu disediakan dari kedudukan *fairway* sekiranya aktiviti guna tanah sedia ada di sekitarnya selari atau bersebelahan dengan *green*.


### 5.3 Kolam Takungan (*retention pond*)

Kolam takungan harus disediakan di dalam pembangunan padang golf sebagai sumber air utama untuk tujuan penyelenggaraan rumput dan penyiraman landskap selain dapat berfungsi sebagai zon penampungan.

**Rajah 2:**  
Zon penamparan dengan jarak minimum 30 meter



**Rajah 3:**  
Cadangan susun atur kawasan kediaman di belakang tee box



**Rajah 4:**  
Ilustrasi zon penamparan dalam bentuk jalan raya, pokok, kolam dan bunker sekiranya kediaman dibangunkan berselari dengan fairway



## 6. GARIS PANDUAN KHUSUS

### 6.1 Padang Golf

#### 6.1.1 Jenis Padang Golf

Padang golf terbahagi kepada:

- i. Padang Golf untuk Kejohanan (*championship golf course*)

Jumlah jarak *fairway* di padang golf hendaklah sekurang-kurangnya 6000 meter untuk melayakkannya menjadi *championship golf course*.

- ii. Padang Golf untuk Rekreasi

Terdiri daripada pengurusan kelab golf jenis:

- *proprietor club*;
- *membership club*; dan
- kelab golf awam

Jumlah jarak *fairway* minimum bergantung kepada reka bentuk padang golf tersebut.

#### 6.1.2 Keluasan Pembangunan

Cadangan keluasan minimum pembangunan padang golf mengikut jumlah lubang ialah seperti berikut:

Jumlah Lubang	Cadangan Keluasan Minimum (hektar)
9	30
18	60
27	90
36	120
54	180

Sumber: Persatuan Golf Malaysia

#### 6.1.3 Lokasi Pembangunan

Jadual 1 menunjukkan lokasi pembangunan padang golf yang dibenarkan dan tidak dibenarkan.

**Jadual 1:** Lokasi pembangunan padang golf

<b>DIBENARKAN</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Zon Pelancongan</li> <li>ii. Zon Pertanian</li> <li>iii. Zon Perindustrian</li> <li>iv. Zon Rekreasi dan Sukan</li> <li>v. Zon Institusi</li> <li>vi. Zon Perumahan           <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>dibenarkan untuk dibangun/diintegrasikan di dalam kawasan padang golf setelah memenuhi syarat yang telah ditetapkan</i></li> </ul> </li> <li>vii. Persisiran Pantai           <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>dibenarkan dengan syarat yang ditetapkan di dalam GPP Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)</i></li> </ul> </li> </ol>
-------------------	--

<b>TIDAK DIBENARKAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kawasan ekologi semula jadi (kawasan sensitif alam sekitar) yang meliputi:             <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Persisiran pantai</i></li> <li>- <i>Dataran banjir, tanah lembab, tasik dan sungai</i></li> <li>- <i>Tadahan air</i></li> <li>- <i>Simpanan mineral dan bencana geologi</i></li> <li>- <i>Pertanian makanan</i></li> <li>- <i>Warisan semulajadi antikuiti</i></li> <li>- <i>Rizab hidupan liar</i></li> <li>- <i>Hutan simpan kekal</i></li> <li>- <i>Pembangunan di kawasan bukit dan tanah tinggi kecuali Bukit Tinggi dan Cameron Highland yang telah dikenal pasti sebagai kawasan pengurusan khas</i></li> </ul> </li> <li>ii. Kawasan kegunaan khas</li> <li>iii. Rizab utiliti</li> <li>iv. Tapak bekas lombong dan bekas tapak pelupusan sisa pepejal dan toksik (dibenarkan dengan syarat yang ditetapkan di dalam GPP Pengenalpastian Bagi Pembangunan Semula Kawasan <i>Brownfield</i>)</li> </ul>
-----------------------------	---

### 6.1.4 Komponen Pembangunan

Komponen pembangunan padang golf terdiri daripada tiga iaitu komponen asas, kemudahan sokongan dan kemudahan sokongan (pilihan).

#### a) Komponen Asas

Komponen asas pembangunan padang golf terdiri daripada:

<b>(i) Tee Box</b>	 <p>tee box</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kawasan pemain memulakan pukulan (<i>teeing shot</i>) bola golf yang diletakkan di atas tee ke lubang di <i>green</i></li> </ul>
------------------------	--	---

<p><b>(ii)</b> <b>Fairway</b></p>		<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kawasan di antara <i>tee box</i> dan <i>green</i></li> <li>▪ Sempadan <i>fairway</i> kebiasaannya merupakan deretan pokok, belukar, kolam, parit, anak sungai atau laluan <i>buggy</i></li> </ul>
<p><b>(iii)</b> <b>Hazard</b></p>		<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Boleh didapati dalam bentuk badan air (kolam, tasik, sungai) atau perangkap pasir (<i>bunker</i>)</li> <li>▪ Direka bentuk bertujuan untuk meningkatkan cabaran kepada pemain ketika permainan</li> </ul>
<p><b>(iv)</b> <b>Green</b></p>		<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kawasan yang terdapatnya sasaran lubang</li> <li>▪ <i>Bunker</i> selalu terdapat di sekitarnya</li> <li>▪ Lubang ditanda dengan meletakkan bendera</li> </ul>

## b) Kemudahan Sokongan

Perancangan fizikal pembangunan padang golf perlu mengambil kira penyediaan kemudahan seperti berikut:

### i. Rumah Kelab

- pejabat pentadbiran;
- ruang istirahat;
- kafeteria;
- bilik persalinan lelaki dan wanita;
- tandas lelaki dan wanita; dan
- ruang solat lelaki dan wanita.

**Foto 3:** Contoh tempat letak *buggy* berdekatan rumah kelab



### ii. Tempat Letak Kenderaan

- 2 petak tempat letak kereta untuk 1 lubang golf;
- tambahan 1 petak untuk 15 meter persegi (m<sup>2</sup>) ruang lantai rumah kelab; dan
- tempat letak *buggy* (mengikut keperluan)

## c) Kemudahan Sokongan (Pilihan)

**Foto 4:** Contoh kafeteria di *halfway hut* di Kelab Golf Sultan Abdul Aziz Shah, Selangor



Senarai kemudahan sokongan berikut boleh dipilih untuk disediakan atau sebaliknya:

- i. bilik rehat kedi;
- ii. bilik rawatan kecemasan;
- iii. *halfway-hut*;
- iv. kedai barangan golf (*pro shop*);
- v. kolam renang;
- vi. gimnasium;
- vii. bilik mesyuarat/seminar;
- viii. bilik media; dan
- ix. bilik menunggu tetamu kenamaan.



**Foto 5:** Contoh kedai menjual peralatan golf



Pembangunan *championship golf course* perlu mengambil kira kemudahan-kemudahan sokongan lain seperti kawasan tempat letak kereta sementara dan ruang tempat duduk pengunjung yang mencukupi sekiranya kejohanan sukan golf diadakan.

Garis panduan perancangan ini hanya memperincikan komponen pembangunan padang golf semata-mata. Selain itu, pembangunan padang golf perlulah memenuhi syarat-syarat garis panduan lain yang diterima pakai oleh pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa tempatan.

## 6.2 Lapang Sasar Golf


### 6.2.1 Keluasan Pembangunan

Keluasan pembangunan lapang sasaran golf bergantung sama ada ia dibangunkan bersekali dengan padang golf atau di dalam struktur bangunan berasingan serta komponen kemudahan yang disediakan.


Walau bagaimanapun, jarak *fairway* iaitu di antara *driving bay* dan *target marker* perlulah sekurang-kurangnya 320 meter (rujuk **Rajah 7**).

Manakala kelebaran *driving bay* bergantung kepada jumlah *bay* yang disediakan. Bagi setiap satu *driving bay*, ukuran minimum dicadangkan seperti di **Rajah 8**.

**Rajah 5:** Cadangan jarak minimum *fairway*



**Rajah 6:** Cadangan ukuran minimum *driving bay*



### 6.2.2 Lokasi Pembangunan

**Jadual 2** menunjukkan lokasi pembangunan lapang sasaran golf yang dibenarkan dan tidak dibenarkan.

**Jadual 2:** Lokasi pembangunan lapang sasaran golf

<b>DIBENARKAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Zon Pelancongan</li> <li>ii. Zon Pertanian</li> <li>iii. Zon Perindustrian</li> <li>iv. Zon Rekreasi dan Sukan</li> <li>v. Zon Institusi</li> <li>vi. Zon Perumahan               <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>dibenarkan untuk dibangun/diintegrasikan di dalam kawasan padang golf setelah memenuhi syarat yang telah ditetapkan</i></li> </ul> </li> <li>vii. Persisiran Pantai               <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>dibenarkan dengan syarat yang ditetapkan di dalam GPP Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)</i></li> </ul> </li> </ul>
<b>TIDAK DIBENARKAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kawasan ekologi semula jadi (kawasan sensitif alam sekitar) yang meliputi:               <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Persisiran pantai</i></li> <li>- <i>Dataran banjir, tanah lembab, tasik dan sungai</i></li> <li>- <i>Tadahan air</i></li> <li>- <i>Simpanan mineral dan bencana geologi</i></li> <li>- <i>Pertanian makanan</i></li> <li>- <i>Warisan semulajadi antikuiti</i></li> <li>- <i>Rizab hidupan liar</i></li> <li>- <i>Hutan simpan kekal</i></li> <li>- <i>Pembangunan di kawasan bukit dan tanah tinggi kecuali Bukit Tinggi dan Cameron Highland yang telah dikenal pasti sebagai kawasan pengurusan khas</i></li> </ul> </li> <li>ii. Kawasan kegunaan khas</li> <li>iii. Rizab utiliti</li> <li>iv. Tapak bekas lombong dan bekas tapak pelupusan sisa pepejal dan toksik (dibenarkan dengan syarat yang ditetapkan di dalam GPP Pengenalpastian Bagi Pembangunan Semula Kawasan <i>Brownfield</i>)</li> </ul>

### 6.2.3 Komponen Pembangunan

Komponen pembangunan lapang sasaran golf terdiri daripada komponen asas, kemudahan sokongan dan kemudahan sokongan (pilihan).

#### a) Komponen Asas

Komponen asas pembangunan lapang sasaran golf terdiri daripada:

<p><b>(i)</b> <b>Driving Bay</b></p>		<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kawasan pemain memulakan pukulan bola golf ke arah <i>target marker</i></li> <li>▪ Di dalam struktur bangunan atau di kawasan padang golf (sekiranya dibangunkan bersekali)</li> <li>▪ Setiap <i>driving bay</i> perlu disempadani dan dilengkapi dengan <i>practice mat</i> serta bekas meletak bola golf</li> <li>▪ Jumlah <i>driving bay</i> yang perlu disediakan sekurang-kurangnya ialah 12</li> </ul>
<p><b>(ii)</b> <b>Fairway</b></p>		<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kawasan di antara <i>driving bay</i> dan <i>target marker</i></li> <li>▪ Di antara <i>fairway</i> dan kawasan sekitarnya perlu disempadani oleh jaring keselamatan</li> </ul>

**(iii)  
Target  
Marker**



- Penanda yang menunjukkan jarak pukulan pemain dari *driving bay*

**b) Kemudahan Sokongan**

Perancangan fizikal pembangunan lapang sasaran golf perlu mengambil kira penyediaan kemudahan seperti berikut:

**i. Struktur bangunan yang menempatkan:**

- pejabat pengurusan;
- tandas lelaki dan perempuan; dan
- ruang solat lelaki dan perempuan.

**ii. Tempat Letak Kereta**

**iii. Jaring Keselamatan**

- bergantung kepada keadaan sekeliling *fairway* dan ketinggian struktur bangunan lapang sasaran golf

**c) Kemudahan Sokongan (Pilihan)**

- ruang tempat duduk;
- kafeteria;
- kedai barangan golf (*pro shop*);
- pusat servis peralatan golf;
- putting green*;
- chipping green*; dan
- practice bunker*.

**Foto 6:** Jaring keselamatan yang disediakan di Setapak *Driving Range*, Kuala Lumpur



**Foto 7:** Ruang tempat duduk membelakangi *driving bay*



Selain itu, pembangunan lapang sasaran golf perlulah memenuhi syarat-syarat garis panduan lain yang diterima pakai oleh pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa tempatan.

### 6.3 Akademi Golf

#### 6.3.1 Reka Bentuk

Reka bentuk akademi golf kebiasaannya merupakan sebuah struktur bangunan beserta *fairway* yang dilengkapi dengan beberapa kemudahan sokongan serta peralatan-peralatan khas untuk menyokong fungsinya sebagai sebuah akademi.

#### 6.3.2 Komponen Pembangunan

Komponen pembangunan akademi golf terdiri daripada komponen asas dan kemudahan sokongan.

#### a) Komponen Asas

Komponen asas pembangunan akademi golf terdiri daripada:

##### i. Studio Pembelajaran

Studio pembelajaran merupakan ruang yang disediakan untuk tujuan praktikal di akademi golf (**Foto 8**). Ia dilengkapi dengan beberapa *practice mat* (**Foto 9**) sebagai *driving bay*, meja perbincangan dan peralatan-peralatan khas (**Foto 10**) yang digunakan untuk menyokong aktiviti di akademi golf contohnya kamera perakam dan sistem komputer untuk merekod dan menganalisis latihan para pemain.

**Foto 8:** Contoh-contoh suasana pembelajaran di studio pembelajaran di akademi golf



**Foto 9:** *Practice mat* iaitu tempat membuat pukulan ke *target marker*



**Foto 10:** Contoh peralatan khas yang mana terdapat skrin memaparkan analisis pukulan bola sejeurus pukulan dibuat



## ii. *Fairway*

Kawasan di antara *driving bay* di studio pembelajaran dan *target marker*. Seperti di lapang sasaran golf, *fairway* di akademi golf juga perlu disempadani oleh jaring keselamatan sekiranya boleh mendatangkan impak negatif kepada penghuni aktiviti di sekitarnya.

**Foto 11:** Pandangan dari *driving bay* ke *fairway* di akademi golf



## iii. *Target Marker*

Merupakan penanda-penanda yang menunjukkan jarak pukulan dari *driving bay* di akademi golf.

**Foto 12:** Contoh bentuk *target marker* di *fairway*



### b) Kemudahan Sokongan

Perancangan ruang di dalam struktur bangunan akademi golf perlu mengambil kira penyediaan kemudahan sokongan seperti berikut:

- i. ruang penyambut tetamu;
- ii. ruang menunggu;
- iii. ruang pejabat pentadbiran;
- iv. bilik darjah;
- v. tandas lelaki dan perempuan;
- vi. ruang solat lelaki dan perempuan;
- vii. bilik persalinan lelaki dan perempuan;
- viii. pantri; dan
- ix. tempat letak kereta.

**Foto 13:** Contoh kemudahan asas di Akademi Golf *Impact Elite* di Kelab Golf *The Mines*, Seri Kembangan, Selangor



## 7.0 PENUTUP

Garis panduan perancangan ini akan menjadi panduan kepada semua pihak yang melaksanakan serta mengawal pembangunan padang golf dan kemudahan-kemudahan sukan golf lain yang diperlukan. Ia seterusnya dapat:

- menghasilkan pembangunan padang golf, lapang sasaran golf dan akademi golf secara bersepadu dengan lebih terancang dan menjadi pelengkap kepada aktiviti guna tanah yang lain;
- memelihara kelestarian alam semula jadi;
- mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan dan keharmonian pembangunan padang golf, lapang sasaran golf dan akademi golf; dan
- memajukan arena sukan golf dengan penyediaan prasarana sukan golf yang lebih komprehensif.

**Sebarang pertanyaan sila hubungi:**

Pengarah  
Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia

Tel: 03-2081 6000  
Faks: 03- 2094 1170  
E-mel: [bpp@townplan.gov.my](mailto:bpp@townplan.gov.my)  
Laman web: [www.townplan.gov.my](http://www.townplan.gov.my)